

13 SEP 1999

Sukan-Luncur udara

KBS RANCANG JADIKAN SUKAN LUNCUR UDARA ACARA TAHUNAN

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Kementerian Belia dan Sukan merancang menjadikan sukan luncur udara sebagai acara tahunan di negara ini.

Sebagai permulaan, Kejohanan Jemputan Luncur Udara Cabaran Kinabalu 99 Dunia akan diadakan di Sabah pada 18 Sept ini dan bakal menyaksikan penyertaan daripada beberapa peluncur terkemuka dunia.

"Setakat ini kita telah menerima pengesahan dari Amerika Syarikat, Australia, Ukraine, United Kingdom, Itali, Jerman dan Perancis...dan saya berharap dengan adanya kejohanan itu ia akan menjadi pemangkin kepada dunia penerbangan di Malaysia," kata Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin, di sini, hari ini.

Meskipun sukan ini agak baru di negara ini tetapi saya yakin ia mampu menarik minat warga tempatan melibatkan diri dalam aktiviti udara yang lasak ini, tambahnya.

Menurut Muhyiddin, cadangan menganjurkan acara ini adalah buah fikiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan lebih banyak kegiatan bertaraf dunia dianjurkan di sini.

Sebagai permulaan, peluncur amatur tidak dibenarkan menyertainya kerana ia adalah acara yang dianggap merbahaya...bagaimanapun mereka digalak melihat dan mempelajari teknik-teknik pengendaliannya dalam usaha meningkatkan kecekapan masing-masing.

Selain usaha untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi sukan luncur udara ini, tujuan lain penganjuran kejohanan itu adalah sebagai langkah pertama dalam usaha Malaysia untuk menawarkan diri menjadi tuan rumah kepada kejohanan dunia pada tahun 2003.

"Kita akan mula mempermosikan sukan itu di kalangan warga tempatan mulai sekarang dan kalau boleh sebuah kelab hendaklah ditubuhkan dan didaftarkan dengan badan dunia," kata Muhyiddin.

Kejohanan itu yang akan dirasmikan oleh Dr Mahathir akan berlangsung di Kelab Golf Gunung Kinabalu.

Ia dianjurkan bersama oleh KBS, Aerospace Industries Malaysia Sdn Bhd, Kerajaan Negeri Sabah dan juga Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia.

--BERNAMA

AHA zb